

**IKON WANITA MELAYU-ISLAM DALAM NOVEL
TUNGGU TEDUH DULU
[THE ICONIC OF MALAY-MUSLIM WOMEN IN NOVEL OF TUNGGU
TEDUH DULU]**

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, Malaysia.
inmarlin@um.edu.my

ABSTRAK

Kedudukan wanita Islam atau muslimah sangat tinggi dalam Islam kerana wanita mempunyai pengaruh besar terhadap anak-anak, keluarga dan masyarakat. Wanita yang soleh dapat menjamin keluarga dan masyarakat kehidupan yang baik dan sempurna mengikut garis panduan yang ditentukan oleh alQuran dan Sunnah. Dengan mengambil ciri-ciri wanita Islam dan tanda ikon yang dijelaskan dalam teori Semiotik oleh Charles Sanders Peirce, makalah ini mengkaji ikon wanita Melayu-Islam dalam novel *Tunggu Teguh Dulu* (2008) karya Faisal Tehrani. Ciri-ciri peribadi pada watak Salsabila ini memenuhi fungsi kepada ikon yang melaksanakan fungsi kepada penandanya. Watak Salsabila dalam *Tunggu Teduh Dulu* boleh diangkat sebagai ikon Melayu-Islam berdasarkan segala fungsi yang telah melaksanakan fungsi Salsabila itu sendiri sebagai seorang yang memenuhi ciri-ciri wanita Islam. Walaupun ada beberapa watak wanita lain dalam novel ini seperti Teh Sofia, Mak Cik dan Mimi, namun watak-watak ini tidak banyak memperlihatkan melaksanakan fungsi sebagai ciri-ciri keperibadian muslimah yang diperbincangkan. Berdasarkan sifat-sifat mulia sebagai ikon wanita Melayu-Islam, memperlihatkan bahawa wanita bukan sahaja telah diangkat martabatnya dalam

Islam itu sendiri, tetapi juga dalam karya sastra. Novel ini telah memperlihatkan ikon wanita Melayu-Islam yang berpega 170 . dalam kehidupan seharian, ikon ini berjaya menjalani kehidupannya dengan baik.

Kata Kunci: Ikon, Wanita Melayu-Islam, Salsabila, al-Quran, Sunnah.

ABSTRACT

*The position of Islamic or Muslim women is highly elevated because of their significant influence on their children, families and communities. Pious women can ensure the moral well being of their families and community because they live according to the guidelines set by the Quran and Sunnah. By analysing the features of Muslim women and applying the sign of icon in the semiotic theory by Charles Sanders Peirce, this paper focuses on Malay-Muslim women as icons in Faisal Tehrani's novel, *Tunggu Teduh Dulu* (2008). The personal attributes of Salsabila fulfil the criteria of icon functions as a Malay-Muslim woman. Although there are other female characters in the novel such as Tea Sofia, and Aunt Mimi, these characters fail to show the icon functions that define the attributes of Malay-Muslim woman. Based on the noble qualities as an icon of Malay-Muslim women, women not only have elevated standing in Islam, but their elevated position is also reflected in a literature. This novel reveals the icon functions of Malay-Muslim women who adhere to Islamic faith and morals and who lead exemplary lives as Muslims.*

Keywords: Icon, Malay-Muslim women, Salsabila The Quran, The Sunnah.

PENGENALAN

Wanita Islam atau muslimah memiliki kedudukan yang tinggi dalam Islam dan pengaruh yang besar dalam kehidupan setiap muslim. Wanita memainkan peranan yang penting dalam membangunkan masyarakat yang soleh dengan berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunnah bagi menjamin keluarga dan masyarakatnya daripada

kesesatan yang membawa kepada kemudaratan perpecahan dalam masyarakat. Nabi Muhammad s.a.w bersabda: Aku tinggalkan pada kalian dua perkara, di mana kalian tidak akan tersesat selama berpegang dengan keduanya, yaitu Kitab Allah dan sunnahku.” (Diriwayatkan oleh Imam Malik dalam al-Muwaththa’ kitab Al-Qadar III) (26 Mac 2008, <http://muslimah.or.id/nasihat-untukmuslimah/kedudukan-wanita-dalam-islam.html>). Dalam al-Quran telah dijelaskan Salsabila. Walaupun ada beberapa watak wanita lain dalam novel ini seperti Teh Sofia, Mak Cik dan Mimi, namun watak-watak ini tidak banyak memperlihatkan melaksanakan fungsi sebagai ciri-ciri keperibadian muslimah yang diperbincangkan.

Ikon menurut Peirce (1965: 247) ialah tanda yang merujuk kepada objek, yang menunjukkan sifat yang sama seperti yang digambarkan, dan ia mempunyai persamaan. Ia merupakan tanda berhubung dengan objek tertentu kerana keserupaan (Paul Cobley & Litza Janz, 1998: 33), atau dengan kata lain tanda yang berhubungan antara penanda dengan petandanya bersifat bersamaan bentuk alamiah (M.Si Alex Sobur, 2003: 41). Sebuah tanda bersifat ikonik apabila terdapat kemiripan rupa (*resemblance*) antara tanda dan hal yang diwakilinya. Dalam ikon, hubungan antara tanda dan objeknya terwujud sebagai ‘kesamaan’ atau ‘keserupaan’ rupa yang terungkap oleh tanda. Sebuah diagram, peta atau lukisan memiliki hubungan ikonik dengan objeknya, sejauh mana terdapat keserupaan pada kedua-duanya (Kris Budiman, 1999: 49), dan ia membawa fungsi-fungsi tertentu berkaitan tafsiran makna dengan struktur permukaan (Sahlan Mohd. Saman, 1994: 26). Oleh itu, keserupaan atau kemiripan ikon adalah secara bentuk atau fungsi (Hashim Musa, 1994: 45). Jadi ikon merupakan persamaan dengan bentuk objeknya yang melaksanakan fungsi sebagai penanda yang menjadi tanda pada petandanya. Ikon Imrah dalam *Ombak Bukan Biru* (1979), *The Missing Peace* (2005), dan *The Missing Peace II* (2006), karya Fatimah Busu memperlihatkan ikon wanita yang gigih, rajin, dan mempunyai semangat yang kuat dalam menjalani kehidupannya yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Kerajinan, kerajinan, dan

semangat kuat itu telah melaksanakan fungsi kepada penandanya, iaitu watak Imrah (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, 2007: 161).

Dalam makalah ini, saya melihat ciri-ciri wanita Islam yang melaksanakan fungsi kepada ikon wanita Melayu-Islam, iaitu penandanya Salsabila dalam Tunggu Teduh Dulu. Saya mengambil hanya beberapa ciri wanita Islam yang menonjol pada watak Salsabila berdasarkan nilai aqidah dan akhlak yang ditentukan oleh Islam. Aqidah 173. Orang Islam yang beriman dan bertaqwa merupakan orang yang mencintai Allah s.w.t, taat kepada-Nya, melaksanakan segala perintahNya, serta menjauhkan diri daripada larangan-Nya. Segala perbuatannya termasuk dalam amal soleh yang kaya dengan kebajikan. Dengan sifat keimanan, seseorang Islam itu akan berbudi, berbakti, berjasa dan berbahasa mulia. Dalam erti kata lain keimanan secara langsung menjadikan seseorang Islam itu dermawan, berakhlak mulia dan berhati-hati dalam tutur katanya agar tidak melanggar perintah Allah s.w.t. Selepas iman, taqwa secara khusus bertanggungjawab menjadi tunggak kekuatan budi bahasa Islam. Taqwa secara ringkasnya merupakan perasaan takut kepada Allah s.w.t, dan perasaan ini menjadikan seseorang itu lebih berhati-hati dan berwaspada untuk mematuhi segala perintah Allah s.w.t dan meninggalkan segala larangannya (Mustafa haji Daud, 1995: 68-69). Firman Allah dalam surah ali-Imran ayat 102 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan kamu beragama Islam.”

Oleh itu, iman dan taqwa adalah asas yang perlu ada dalam hidup manusia untuk menjamin kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat. Sifat beriman dan bertaqwa ini dapat disorot dalam diri Salsabila. Ini dapat dilihat dalam perbincangan berikut. Solat Sunat Sembahyang (solat) fardu lima waktu setiap hari itu merupakan Rukun Islam kedua selepas mengucap dua kalimah

syahadat. Selain solat fardu yang lima, terdapat pula banyak jenis sembahyang sunat sebagai amalan tambahan kepada sembahyang fardu itu. Menurut Imam Ghazali (Haji Said bin Che Ros, 2001: 27), selain sembahyang fardu itu terdapat tiga jenis solat lain, iaitu pertama: Solat Sunat, iaitu solat yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w, misalnya solat sunat rawatib (mengiringi sebelum dan selepas sembahyang fardu), Solat Dhuha, solat Tahajud dan sebagainya. Kedua ialah Solat Mustahabbah, iaitu solat yang telah dijelaskan oleh Rasulullah, tetapi Baginda tidak selalu mengerjakannya seperti Solat Musafir dan sebagainya. Ketiga ialah Solat Tathowwu', iaitu solat yang tidak dijelaskan jenisnya oleh Rasulullah s.a.w, tetapi selalu dikerjakan oleh orang kerana ingin bermunajat atau mengeratkan hubungan dengan Allah. Solat Sunat Tahajud ialah sejenis sembahyang sunat yang hanya dikerjakan pada waktu malam sahaja, iaitu setelah bangun tidur, dan sebaiknya selepas tengah malam.

Terdapat banyak kelebihan bagi orang yang bersolat Tahajud, antaranya menjadi kesayangan Allah, mendapat kemuliaan Allah sama ada di dunia mahu pun di akhirat, mendapat pertolongan Allah, melepaskan diri daripada belenggu Syaitan dan dimakbulkan doanya oleh Allah (Ibid.: 90-97) Salsabila sentiasa berusaha menjadikan dirinya seorang Muslim sejati. Dia sering sembahyang bertahajud pada malam hari. Bagi Salsabila, dia mendapat kekuatan menghadapi kehidupan duniawi, di samping perjalanannya menuju ke akhirat. "Mengesat keringat dengan tuala, bangun menghidupkan kipas dan mandi serta mengambil wuduk. Saya lawan kedinginan lantas menyarung telekung, mendirikan solat tahajud dan tahajud dan tahajud." (Faisal Tehrani, 2008: 99) Salsabila turut mengerjakan solat sunat hajat dan istiqarah, memohon Allah agar memberi petunjuk kepadanya untuk berdepan dengan masalah tanah (ladang betik) yang mahu diambil oleh pemaju bagi projek pembangunan. Salsabila memohon kepada Allah agar dia dapat keluar daripada kekusutan yang dihadapinya itu. Membaca al-Quran Membaca al-Quran merupakan kewajipan bagi orang Islam. Beriman atau mempercayai al-Quran merupakan salah satu rukun iman. Mereka yang tidak mempercayai al-Quran

bererti telah terkeluar daripada Islam (Haji Johari Haji Alias, 19997: 39). Salsabila sering menjadikan al-Quran sebagai rujukan dan sering membacanya pada setiap waktu.

“Saya membuka al-Quran. Melihat tanda sudah beralih ke surah al-Taubah. Banyak sudah diulangi sejak dua bulan lau. Mengaji dengan suara halus, memadai untuk diri sendiri...”

(Faisal Tehrani, 2008: 99).

Al-Quran turut menjadi penawar Salsabila tatkala dia berdukacita. Apabila dia membaca al-Quran jiwanya terasa tenang dan damai daripada segala masalah yang dihadapinya. Semasa dia menghadapi masalah dengan Zaman yang masuk lokap kerana bergaduh, ditambah pula dengan masalah penyakit pokok betik yang datang menyerang, Salsabila merasakan dirinya tidak berdaya lagi dalam mengharungi kehidupannya. Dia menjadikan al-Quran untuk memberi kekuatan dan ketenangan kepada jiwanya.

“Saya kesat air mata, mencapai al-Quran Terjemahan, membuka secara rambang. Inilah makanan saya, inilah yang akan menyembuhkan.”

(Faisal Tehrani, 2008: 45)

“Perlahan-lahan ketenangan datang. Saya menutup kitab suci rahmat untuk seisi manusia ini. Saya bertenang, mengesat air mata, mengemam bibir, dan mengingat betapa setiap kejadian menunjukkan kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah.”

(Faisal Tehrani, 2008: 45)

Jiwa Salsabila menjadi kuat dan tidak mudah mengalah kepada masalah yang dihadapi melalui pembacaan dan penghayatan al-Quran. Berdoa Allah memerintahkan agar manusia berdoa kepada-Nya, dan Allah juga berjanji mengabulkan doa

hamba-Nya. Firman Allah dalam al-Quran dalam surah al-Mu'min ayat 60 yang bermaksud:

“Mintalah kamu sekalian kepada-Ku, pasti Aku mengabulkan untukmu.”

Malahan Nabi Muhammad s.a.w bersabda: “Berdoa ialah ibadat.”

Nabi juga bersabda bahawasanya orang yang berdoa itu tidak akan luput daripadanya salah satu daripada tiga perkara, yang pertama diampuni dosanya, kedua diberikan kebaikan, dan ketiga diberi kebaikan yang dikemudiankan. (Mohd Hassan Ismail, 1989: 1). Salsabila sentiasa berdoa kepada Allah bagi memohon bantuan dalam setiap masalah hidup yang dihadapinya. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah;

“MALAM. Sepertiga daripadanya disudahi dengan munajat kepada Yang Maha Kuasa. Mengadu kepada Allah. Saya tidak mahu tewas dalam permainan yang dimulakan oleh Sharuzzaman. Saya juga memohon ketabahan hidup, kekuatan untuk mengurus tanah gemulah ayah yang semakin subur dan menunjukkan hasil yang membanggakan. Saya bersyukur, di sebalik segala masalah, dan cubaan daripada-Nya, masih ada rahmat yang menguntungkan. Saya juga meminta supaya Tuhan melembutkan hati Teh Sofia, menggerakkannya supaya pulang, dan memberi tanda supaya saya dapat memilih antara dua lelaki. Kamil Zahidi dan Saifullah Abdullah atau Lam Ping Hai, milik siapa hati ini?”

(Faisal Tehrani, 2008: 129)

Salsabila berdoa kepada Allah agar segala beban masalah yang ditanggungnya akan terlerai. Dia memohon agar Tuhan memudahkan urusan perladangannya, melembutkan hati Sofia agar kemabali ke ladang mereka. Ini kerana Sofia telah merajuk

membawa diri ke Sydney tanpa khabar berita. Sofia merajuk kerana dia merasakan dirinya sebagai sahaabat tidak dipedulikan oleh Salsabila, tambahan pula, Kamil yang menjadi pujaan hatinya telah menunggu Salsabila sejak dahulu lagi. Salsabila turut memohon petunjuk daripada Allah untuk pilihan suami, iaitu antara Kamil atau Saifullah. Islam menggalakkan umatnya berdoa dalam menghadapi kesusahan dalam kehidupan. Rasulullah s.a.w mengajarkan kepada para sahabatnya agar berdoa untuk meminta bantuan Allah dalam menghadapi masalah hidup. Rasulullah s.a.w telah mengajarkan doa kepada Abu Umamah yang bersedih kerana menanggung beban hutang yang banyak. “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari kesusahan dan kesedihan. Aku berlindung kepada Engkau daripada kelemahan dan kemalasan. Aku berlindung daripada pengecut dan kikir. Aku berlindung kepada Engkau dari terbelit oleh hutang dan tertindas oleh orang lain,” (Hadis Riwayat Abu Daud)

Abu Humamah kemudiannya telah melakukan perkara yang disuruh oleh Rasulullah itu, dan Allah pun menghilangkan kegelisahan dan melunaskan hutang-hutangnya (Aidh bin Abdullah Al-Qarni, 2008: 160). Doa Salsabila dimakbulkan Tuhan, Zaman akhirnya insaf tetapi mati terbunuh akibat berhutang dengan “Along”. Syarikat perladangannya berkembang sehingga ke Indonesia dan Uganda. Teh Sofia kembali semula ke Malaysia bersama-sama menggembeling tenaga memajukan ladang-ladang mereka. Salsabila kemudiannya berkahwin dengan Sazali, bekas pekerja di ladangnya di Mekah, dengan itu memperlihatkan bahawa Kamil dan Saifullah bukan jodoh untuknya. Akhlak Akhlak didefinisikan sebagai tingkah laku yang mulia dan terpuji yang digubal oleh Allah s.w.t, dan sekaligus merupakan wahyu untuk dihayati, dilaksana dan diamalkan oleh manusia sehingga menjadi adat kebiasaan. Ia telah ditetapkan oleh Allah dalam al-Quran dan Sunnah untuk manusia sahaja sebagai makhluk ciptaan-Nya. Akhlak yang mulia dan keji itu tidak semata-mata patuh kepada pertimbangan akal, malahan hati nuranilah yang menentukannya berasaskan wahyu Allah s.w.t. Terjemahan Hadis Rasulullah ada menyentuh tentang hati:

“Bahawa dalam tubuh itu ada sepotong daging. Apabila ia baik, nescaya baiklah seluruh bahagian tubuh yang lain.”

(Mustafa haji Daud, 1995: 74).

Berbekalkan pertimbangan akal dan hati nurani yang baik itu, sudah tentu membentuk peribadi Islam yang baik. Terdapat beberapa akhlak Islam yang baik ditonjolkan dalam ikon Salsabila dalam novel *Tunggu Teduh Dulu*. Pemaaf Dalam bahasa Arab, pemaaf dikenali sebagai “al-afwu”. Dari segi bahasa ia membawa erti sebagai melepaskan, membukakan dan menanggalkan. Dari segi istilah pula bermaksud memberi kemaafan terhadap kesalahan orang lain, tanpa cerca, tanpa rasa sakit hati dan tanpa dendam (Mustafa haji Daud, 1995: 128). Kemaafan di sini terbit dari hati nurani yang jujur dan ikhlas, iaitu tanpa menyimpan sebarang perasaan marah dandendam terhadap orang yang telah menyakiti hatinya atau pun orang yang telah membuat salah kepadanya. Sekiranya seseorang itu memberi kemaafan, tetapi dalam masa yang sama menyimpan dendam, benci dan sakit hati terhadap orang yang diberi kemaafan itu, maka itu tidaklah dikategorikan sebagai pemaaf dalam Islam. Pemaaf merupakan salah satu daripada sifat yang penting dalam budi bahasa dan hati orang Islam. Hal ini disebabkan dengan memberi kemaafan, seseorang itu dapat menghulurkan bakti, jasa dan budi terhadap sesiapa sahaja yang memerlukan pertolongan termasuk orang yang pernah melakukan kesalahan terhadapnya (ibid.:128). Orang yang dapat memberikan kemaafan dengan ikhlas mampu menjalinkan hubungan atau persahabatan dengan baik dan murni. Allah telah mewajibkan sifat ini ke atas umat Islam agar mereka menghayati dan mengamalkannya. Contoh dalam Terjemahan Surah al-Baqarah, Surah ke-2, ayat 109 (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 2000-43): “Oleh itu, maafkanlah dan biarlah oleh kamu (akan mereka), sehinggalah datang perintah-Nya. Sesungguhnya Allah amat berkuasa atas setiap sesuatu.” Ibnu Abbas menuturkan bahawa ada dua bersaudara dari kaum Yahudi, Huyay bin Akhtab, dan Abu Yasir

bin Akhtab. Kedua-duanya sangat dengki kerana Allah mengutus Rasul bukan dari kaum mereka. Mereka juga berusaha keras mencegah orang-orang yang akan memeluk agama Islam, maka turunlah ayat ini (Dr. Ahmad Hatta, 2009: 17). Memaafkan Kesalahan Ibu Tiri dan Zaman Sifat pemaaf ini jelas dalam diri Salsabila. Pertamanya dia sanggup memaafkan kesalahan ibu tirinya yang dipanggil Mak Cik. Selepas emak kandung Salsabila meninggal dunia, ayahnya mengambil masa untuk berkahwin lagi. Pak Ngah dan Mak Ngah Salsabila bersungguhsungguh memujuk ayah Salsabila agar berkahwin lagi memandangkan kehidupan mereka yang tidak teratur. Pada awalnya kehidupan Salsabila tenang dan bahagia dengan ayah dan ibu tirinya, namun apabila adiknya Shahruzzaman lahir, Salsabila terpinggir dalam keluarganya. Salsabila banyak menghabiskan masanya bersama-sama temannya, dan di rumah nenek kerana rumahnya sudah tidak memberikan kebahagiaan kepadanya. Kemudian ayahnya menempatkan Salsabila di rumah Mak Long yang telah kehilangan Pak Long di Kuala Lumpur. Apabila sesekali pulang ke kampung, Salsabila sering diperli dan disindir oleh Mak Cik dengan sindiran yang menusuk dan memberikan luka yang mendalam ke dalam kalbunya. Salsabila menyedari bahawa mak ciknya tidak menyukai kehadiran dirinya dalam rumahnya, Salsabila mengambil keputusan menjauhkan dirinya daripada keluarga. Keduanya, Salsabila sanggup memaafkan kesalahan adiknya Zaman.

Hubungan Salsabila dengan adiknya Shahruzzaman, atau panggilan Zaman sememangnya renggang sejak kecil. Kerenggangan ini adalah disebabkan sikap ibu tirinya yang tidak menyukai Salsabila, dan ini mendatangkan kesan kepada hubungan adik-beradik. Zaman dengki kepada Salsabila kerana dia menyangkakan Salsabila dimanjai lebih daripada dirinya dalam keluarga. Perasaan dengki Zaman kemudiannya bertukar menjadi benci. Selepas Salsabila menubuhkan syarikat perladangan betik, Zaman sering meminta wang daripada Salsabila. Bagi Zaman, Salsabila harus berkongsi pendapatan dengannya kerana tanah yang ditanam betik itu merupakan tanah peninggalan ayah mereka. Segala perbuatan mak cik dan Zaman terhadap Salsabila tidak

sedikit pun menyebabkan Salsabila berdendam kepada mereka. Salsabila telah menjaga mak ciknya dengan begitu baik semasa mak cik dimasukkan ke HUKM. Mak ciknya telah disahkan menghidap kanser. Salsabila sentiasa menjaga dan menemani makcik yang sakit. Dia juga telah membawa mak cik mengerjakan umrah di Mekah setelah mak cik agak sihat. Namun Allah lebih menyayangi mak cik yang akhirnya meninggal dunia di hadapan Ka'abah dalam pelukan Salsabila. Begitu juga dengan layanan baik Salsabila terhadap Zaman walaupun adiknya telah melakukan pelbagai perbuatan yang salah dan keji seperti mengugut kakaknya agar memberikan wang kepadanya, membakar ladang betik, dan cuba memperkosa Salsabila. Demi ibu tirinya dan demi Zaman yang merupakan adik kandungnya, Salsabila memaafkan perbuatan adiknya. Namun demikian Salsabila sering dihantui trauma terhadap kejadian Zaman yang mahu memperkosanya di ladang betik. Sikap Salsabila yang sanggup melayani ibu tiri dan adiknya dengan baik walaupun mereka sering menyakiti hatinya terutama perbuatan Zaman yang menyebabkan hidupnya dalam keadaan trauma, memperlihatkan keperibadian Muslimah yang sejati. Ini dapat dilihat dalam Surah Fushilat: 34;

“Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik, apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta-merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat baik.”

Ini terbukti apabila mak cik sangat mengasihi Salsabila, terbaik-terbaik dengan Salsabila, mengambil berat tentang Salsabila, malah sering mendoakan kebaikan buat Salsabila sehingga nafasnya yang terakhir. Malahan, Zaman yang liar juga menjadi insaf dan baik. Cuma nasib tidak menyebelahnya apabila dia dibunuh oleh “Along”. Dedikasi Allah telah mewajibkan agar umat Islam itu berdedikasi tinggi dan rajin bekerja sehingga sebaik sahaja selepas mengerjakan sembahyang, diwajibkan terus berusaha

mencari rezeki. Ini dijelaskan dalam terjemahan Surah al-Jemaah 62: 10:

“Kemudian setelah selesai sembahyang maka bertebaranlah kemu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing, dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan) supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).”

Rasulullah s.a.w juga menggalakkan umat Islam kuat bekerja seperti dalam terjemahan hadisnya: “Tidak ada orang yang makan makanan yang lebih baik daripada hasil pekerjaan tangannya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Daud a.s makan daripada hasil pekerjaannya sendiri.” (Mustafa Haji Daud, 1995: 130). Sifat dedikasi jelas dalam diri Salsabila yang bersungguhsungguh mengerjakan ladang betik sehingga berjaya. Salsabila sebagai seorang wanita muda yang mempunyai kelulusan akademik dari luar negara, tetapi menceburkan diri dalam bidang pertanian merupakan suatu pekerjaan yang jarang-jarang dilakukan oleh generasi muda sekarang ini. Sebaik sahaja tamat pengajiannya di Amerika Syarikat, Salsabila nekad menjadikan tanah peninggalan ayahnya di kampung dan pinjaman pertanian yang agak besar daripada bank untuk membuka sebuah ladang betik.

Pelbagai rintangan dan dugaan dihadapi oleh Salsabila dalam mengerjakan ladang betiknya yang dikongsi bersama sahabat baiknya Sofia. Pada peringkat awalnya ladang mereka telah ditimpa penyakit pohon betik dan pembakaran ladang betik oleh Zaman. Semuanya berjaya dihadapi dengan baik. Kemudiannya Sofia merajuk membawa diri ke Sidney, namun Salsabila tetap tabah berdiri teguh menghadapi sebarang masalah yang terdapat di ladang. Dia berhadapan masalah dengan adiknya sendiri yang sering meminta wang dan mengugutnya di ladang betik, mahukan separuh wang hasil pertanian betiknya. Adiknya turut cuba memperkosanya semasa dia berada di ladang betik. Sikap dedikasi Salsabila akhirnya membuahkan kejayaan apabila ladang betiknya berkembang ke Indonesia dan Uganda. Sabar Sabar dari segi bahasa

memberi erti “tahan derita, berani mengalami derita dan biasa dengan derita”.

Dari segi istilah pula didefinisikan sebagai ketahanan rohani dan jasmani untuk mengalami derita dan ketidakselesaan untuk melaksanakan perintah Allah s.w.t dan meninggalkan larangannya. Ketahanan jasmani yang dimaksudkan ialah keupayaannya untuk mengalami derita dalam melaksanakan ibadat sama ada ibadat khusus, iaitu melaksanakan hukum Islam kelima atau yang umum seperti berjasa, berbudi, berbakti dan baik dalam berbahasa. Ketahanan rohani pula ialah keupayaannya untuk mengawal nafsu dan syahwat daripada mendorongnya melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah s.w.t. Umat Islam digalakkan bersabar dan meningkatkan keimanan ketika ditimpa sesuatu bencana (Mustafa Haji Daud, 1995: 127).

Di samping bersabar, umat Islam digalakkan memohon perlindungan daripada Allah daripada kesedihan dan kesedihan. Manusia memang tidak dapat lari daripada menghadapi dugaan dan masalah dalam kehidupan. Seseorang mukmin yang dikurniakan akal oleh Allah tidak sepatutnya berkeluh resah dan berputus asa. Kadang-kadang seseorang itu dilanda pelbagai masalah sehingga merampas ketenangan dan keceriaan hidupnya. Oleh yang demikian mukmin sejati wajib berpegang teguh kepada agama Allah agar Dia menyelamatkan mereka daripada segala masalah (Aidh bin Abdullah Al-Qarni, 2008: 159). Ini disebabkan, kegagalan mengawal diri daripada menghadapi dan mengharungi masalah dengan baik memungkinkan kehancuran hidup. Salsabila sentiasa bersikap sabar. Dia tidak putus asa atau patah semangat dalam menghadapi pelbagai masalah kehidupannya. Salsabila bersabar sejak kecil lagi. Sejak dia dipinggirkan oleh keluarganya sendiri, iaitu dipinggirkan oleh ibu tiri dan adiknya sendiri. Dia bersabar dengan kerenah mereka, sanggup dihantar bersekolah di bandar, tinggal bersama-sama mak ciknya, jauh daripada ayah dan kampung halamannya. Salsabila juga bersabar menjaga ibu tirinya yang menghadapi penyakit kanser.

Dia sanggup bersusah payah menjaga dan berulang-alik ke HUKM bagi merawat penyakit kanser tersebut dan tidak

putusputus berdoa mengharapkan mak cik sembuh. Selain itu, Salsabila juga bersabar dengan tingkah laku Zaman yang sering mengugut dan meminta wang daripadanya, dan Zaman jugalah yang membakar ladang betiknya. Namun dia tidak sampai hati untuk memberitahunya kepada polis kerana sayangkan adiknya. Malahan, kesabarannya yang tinggi itu dapat dilihat apabila dia tidak mengambil tindakan mengheret Zaman ke muka pengadilan apabila Zaman telah cuba memperkosanya pada suatu malam di ladang betik. Salsabila sangat mengharapkan agar tingkah laku adiknya itu berubah pada suatu hari nanti.

KESIMPULAN

Watak Salsabila dalam *Tunggu Teduh Dulu* boleh diangkat sebagai ikon Melayu-Islam berdasarkan segala fungsi yang telah melaksanakan fungsi Salsabila itu sendiri sebagai seorang yang memenuhi ciri-ciri wanita Islam. Berdasarkan sifat-sifat mulia sebagai ikon wanita Melayu-Islam, memperlihatkan bahawa wanita bukan sahaja telah diangkat martabatnya dalam Islam itu sendiri, tetapi juga dalam karya sastera. Novel ini telah memperlihatkan ikon wanita Melayu-Islam yang berpegang teguh kepada aqidah dan akhlak Islam. Melalui nilai-nilai Islam yang murni diterapkan dalam kehidupan seharian, memperlihatkan kejayaan seorang wanita Islam dalam melayari kehidupan yang penuh dengan cabaran ini.

RUJUKAN

- Ahmad Hatta, Dr. (2009) *Tafsir Qur'an Per Kata*: Dilengkapi dengan Asbabun Nuzul dan Terjemah. Jakarta: Maghrifah Pustaka.
- Aidh bin Abdullah Al-Qarni, Dr. (2008). *Jangan Bersedih: Jadilah Wanita Yang Paling Bahagia*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Faisal Tehrani. (2008) *Tunggu Teduh Dulu*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
- Haji Johari Haji Alias. (1997). *Menunaikan Kewajipan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Haji Said Che Ros (2001). *Kumpulan Solat-solat Sunat* (Kelebihan dan Fadhillatnya). (penyusun). Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Mustafa Haji Daud. (1995) *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslimah Or.Id. 26 Mac 2008. (<http://muslimah.or.id/nasihat-untukmuslimah/kedudukan-wanita-dalam-islam.html>). [17 November 2009]
- Mohd Hassan Ismail. (1989). *101 Jenis Doa*. Pulau Pinang: Percetakan Nahdi.
- Peirce, Charles Sanders. (1965). *Collected Papers Charles Sanders Peirce* (Vol. I & II). Cambridge Massachusett: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (30) Juzuk. (2000). Kuala Lumpur: DarulFikir.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, (2007). "Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, (2007). "Ikon Pak Hassan Dalam Hari-hari Terakhir Seorang Seniman: Satu Kajian Semiotik" dlm. *Jurnal Pangsur*: Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara, hlm. 8-18, Julai-Disember, Bil. 25, Jil. 13.